



Direka secara Berintegriti,
Dibina untuk Menang:

Kod Tatakelakuan Kennametal

KENNAMETAL®

Kandungan

3 Mesej Ketua Pegawai Eksekutif Kennametal untuk Kod Etika Kennametal

4 Pengenalan

Mengapakah Kita Memiliki Kod Tatakelakuan? 4

Siapakah yang Mesti Mengikut Kod Tersebut? 5

Bagaimanakah Saya Harus Menggunakan Kod Tersebut? 5

Apakah yang Akan Terjadi Sekiranya Seseorang Melanggari Kod Tersebut? 5

6 Menyuarkan secara Lantang – Mendapatkan Bantuan dan Mengajukan Keprihatinan

Bagaimanakah saya membuat laporan? 7

Apakah yang berlaku ketika saya membuat laporan? 8

Syarikat Kita Melarang Tindakan Balas Dendam 9

10 Menang secara Berintegriti

Kita Menarik dan Mengekalkan Kakitangan yang Terbaik

Kita mengekalkan tenaga kerja yang mempunyai kepelbagai dan inklusif 11

Kami melayani sesama sendiri secara saling menghormati 12

Kita menghormati privasi maklumat peribadi 13

Kita Bekerja secara Selamat, Melindungi Kesihatan dan Menjaga Alam Sekitar

Kami memupuk tempat kerja yang selamat dan bebas daripada penyalahgunaan bahan 15

Kita menjaga alam sekitar dan menyokong komuniti kita 15

Kita Menang secara Berintegriti dan Berinovasi

Kita bersaing secara adil 17

Kita tidak menyogok 19

Kita menggunakan pertimbangan yang baik ketika saling bertukar hadiah dan hiburan 22

Kita mengiktiraf dan mendedahkan konflik kepentingan 24

Kita mematuhi semua undang-undang eksport, import dan kawalan perdagangan 25

Kita mengambil bahagian dalam proses politik secara adil dan mematuhi semua undang-undang dan peraturan 27

Kita Berbangga Diri atas Prestasi

Kita tidak mendagangkan atau memberi tip untuk Maklumat Dalaman 29

Kita memaparkan transparensi dalam laporan kewangan kita 30

Kita melindungi aset dan maklumat Syarikat 31

Kita melindungi Harta Intelek kita 32

Kita menggunakan sistem maklumat Syarikat kita secara bertanggungjawab 33

Kita mengamalkan pengurusan rekod yang bertanggungjawab 34

Kita berkomunikasi secara berhati-hati 35

Kita Mempunyai Kepercayaan dalam Produk Kita dan Meletak Pelanggan Kita di Tempat Pertama

Kita berbangga diri atas kualiti dan keselamatan Produk kita 37

Kami mengikuti peraturan khas apabila Kerajaan ialah pelanggan kita 37

38 Kesimpulan

39 Maklumat Talian Bantuan

40 Indeks

41 Persijilan



Kepada Para Ahli Pasukan yang Dihargai,

Etika, Integriti dan Kehormatan adalah asas budaya kita sejak 80 tahun yang lalu, dan masa depan kita bergantung kepada cara setiap satu daripada anda menguruskan bisnes dengan cara yang betul pada setiap hari.

Kadang kala di dalam bisnes jawapan tidak sentiasa jelas dan ia agak mencabar untuk mengambil keputusan. Ketatalakuan Kennametal mentakrifkan cara kemenangan dengan integriti, dan adalah peta jalan kita untuk mengambil keputusan sesuai yang bagus untuk kita untuk jangka masa yang lama.

Tidak mengambil kira tugas masing-masing di Kennametal, setiap seorang daripada kita memberi impak ke atas reputasi Kennametal dengan keputusan kita. Pastikan anda bertanggungjawab, fikir dengan baik dan tahu ke mana untuk mendapatkan bantuan atau untuk membangkitkan persoalan atau masalah.

Kami bergantung kepada anda untuk mematuhi Ketatalakuan ini setiap hari. Anda adalah para pelindung reputasi Kennametal dan jurubina masa depan yang lebih baik dan cerah.

Terima Kasih,

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Christopher Rossi".

Christopher Rossi
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif

Pengenalan

Mengapakah Kita Memiliki Kod Tatakelakuan?

Di Kennametal, menang secara beretika dan berintegriti ialah teras untuk semua perkara yang kita lakukan.

Tindakan dan keputusan setiap ahli pasukan dan rakan kongsi perniagaan Kennametal secara terus menyokong objektif yang dikongsi global ini. Nilai teras kita dan komitmen kepada kecemerlangan mendefinisikan siapakah kita dan membimbang kita ke masa depan.

Kami semua memahami bahawa membuat keputusan yang betul dan mengambil tindakan yang betul adalah mustahak untuk kejayaan Kennametal, tetapi terdapat masa di mana pendekatan terbaik untuk sesuatu situasi adalah bukan begitu jelas:

- Mungkin terdapat dilema etika atau faktor merumitkan yang memerlukan kita supaya mendapatkan panduan tambahan
- Mungkin terdapat risiko yang kita tidak memahami secara sepenuhnya
- Mungkin terdapat undang-undang atau amalan di lokasi di lokasi kita bekerja yang berkonflik dengan nilai teras Kennametal

Kod Tatakelakuan (“Kod”) kita ialah panduan rujukan – tempat yang dituju untuk mendapatkan kejelasan atas nilai dikongsi dan prinsip asas yang mendefinisikan bagaimana Kennametal beroperasi secara global.



Kod tersebut tidak mungkin dapat menjelaskan semua undang-undang yang kita harus ikuti atau menjawab semua soalan etika yang kita hadapi, namun ia mencerminkan harapan Kennametal terhadap tingkah

laku beretika secara global dan menyediakan rangka kerja untuk membuat keputusan yang baik – supaya kita berkeyakinan bahawa Kod berikut membolehkan kita menang secara berintegriti.

“ Nilai teras kita dan **komitmen kepada kecemerlangan mendefinisikan siapakah kita dan **membimbang kita ke masa depan.**”**

Siapakah yang Mesti Mengikut Kod Tersebut?

Kod tersebut digunakan ke atas semua pekerja, pegawai, dan pengaruh Kennametal dan rakan gabungan kita secara global. Kami juga berharap rakan kongsi perniagaan, termasuk pembekal, vendor, agen, pengedar dan kontraktor supaya bertindak sejajar dengan syarat-syarat Kod kita. Pembekal Kennametal seharusnya mengetahui dan mengikut panduan dalam *Prinsip Tingkah Laku Pembekal* dan mengekalkan pembekal dan sub-kontraktor mereka pada standard tinggi yang sama.

Bagaimanakah Saya Harus Menggunakan Kod Tersebut?

Anggapkan Kod tersebut sebagai sumber boleh dipercayai apabila anda mempunyai soalan atau memerlukan panduan. Kod tersebut menyediakan rangka kerja untuk membuat keputusan yang baik dan meliputi contoh-contoh tentang bagaimana untuk mengendali dilema etika yang mungkin terjadi. Ketika dalam keraguan, hubungi sumber-sumber yang dirujukkan dalam Kod untuk memutuskan tindakan yang terbaik. Kita ingin semua ahli pasukan untuk membuat keputusan yang betul untuk menyokong kejayaan dan reputasi Kennametal.

Apakah yang Akan Terjadi Sekiranya Seseorang Melanggari Kod Tersebut?

Di Kennametal, kita menang ketika kita bekerjasama. Ini terpakai bukan semata-mata atas bagaimana kita menghasilkan dan menjual produk kita, namun ia adalah sama penting – bagaimana kita bertindak di tempat kerja dan pasaran. Kita memandang berat tentang pelanggaran Kod kita dan individu yang gagal mematuhi Kod ini akan dipertanggungjawabkan dan akan menghadapi tindakan disiplin, sehingga dan termasuk penamatian penggajian.

MEMBUAT KEPUTUSAN BERETIKA

Membuat pilihan bijak ialah sebahagian daripada kerja di Kennametal. Fikiran dan pertimbangan berhati-hati menolong kita membuat pilihan yang baik setiap hari. Jika anda berhadapan dengan situasi di mana pendekatan betul adalah tidak jelas, gunakan soalan-soalan berikut untuk membimbing anda dalam membuat pilihan terbaik:

ADAKAH SAYA MEMBUAT PILIHAN YANG BIJAK?

Adakah ia akan memberi cerminan positif tentang Kennametal?

Adakah saya berasa betul?

Adakah ia konsisten dengan Kod, undang-undang, dan polisi-polisi Syarikat?

Adakah rakan sepasukan atau kawan saya akan menyetujui tindakan atau keputusan tersebut?

Adakah saya ingin membaca tentang tindakan atau keputusan saya di surat khabar tempatan saya?

YA

TIDAK TIDAK PASTI

Sekiranya anda menjawab “TIDAK” atau “TIDAK PASTI” untuk mana-mana soalan di atas – ia merupakan masa anda mendapatkan panduan dengan segera.

Menyuarkan secara Lantang

Mendapatkan Bantuan dan Mengajukan Keprihatinan



Mendapat kemenangan di tempat kerja dan pasaran sebahagian besarnya bergantung kepada reputasi kita sebagai rakan kongsi yang teguh dan syarikat yang beretika. Kita memerlukan semua ahli pasukan dan rakan kongsi perniagaan Kennametal untuk bekerjasama untuk mengekalkan reputasi untuk integriti dalam kata-kata dan tindakan kita. Kita melakukannya bukan hanya dengan membuat keputusan baik tentang tindakan kita sendiri, malah dengan mempunyai keberanian untuk menyuarakan keprihatinan tentang salah laku yang berpotensi.



Bagaimakah saya membuat laporan?

Kennametal bergantung kepada dan memberi kuasa kepada anda untuk membuat laporan jika anda menyedari pelanggaran undang-undang, polisi Syarikat, atau Kod ini. Kami memahami bahawa mengajukan soalan atau melaporkan keprihatinan adalah wajib, tetapi bukan sentiasa selesa, oleh demikian, kami telah menyediakan pelbagai sumber supaya anda dapat berhubung.

Menyuarkan secara Lantang



Sumber membuat laporan

Sumber-sumber berikut tersedia kepada anda untuk mendapat panduan dan menyuarkan perihatinan:

- Pengurus atasan anda, pengurus tahap berikutnya atau pasukan kepimpinan rantau atau korporat
- Pejabat Etika dan Pematuhan
 - Talian Bantuan Kennametal (*terdapat maklumat lanjut di bawah*)
 - E-mel: k-corp.ethics@kennametal.com
 - Telefon: +1 412-248-8275
 - Mail:
Kennametal Inc.
Office of Ethics and Compliance
600 Grant Street, Suite 5100
Pittsburgh, Pennsylvania, USA 15219
- Pejabat Kaunsel Am
- Audit Dalaman
- Wakil Sumber Manusia anda

Talian Bantuan Kennametal

Laporan dapat dibuat kepada Talian Bantuan melalui telefon atau Internet, dan dapat dibuat dalam bahasa tempatan anda secara sulit dan tanpa-nama, meikut kebenaran undang-undang tempatan. Talian Bantuan tersebut dioperasi oleh pihak ketiga tidak berkaitan dan

tersedia 24 jam setiap hari, 7 hari seminggu. Kami amat menggalakkan anda untuk memberi maklumat sebanyak mungkin dalam laporan Talian Bantuan anda untuk membolehkan penyiasatan secara mendalam.

Sila rujuk kepada halaman 39 Kod ini untuk nombor telefon Talian Bantuan yang berkenaan dengan lokasi anda. Jika tersedia, sila gunakan nombor Talian Bantuan spesifik negara yang tersenarai dalam Kod ini. Bagi mereka yang berada dalam Amerika Syarikat atau Canada, untuk mencapai Talian Bantuan melalui telefon, nombor tol bebas ialah +1 877-781-7319. Jika anda berada di lokasi di mana nombor telefon Talian Bantuan spesifik negara tidak tersenarai, anda perlu mendail nombor akses AT&T yang berkenaan dengan lokasi anda terlebih dahulu, dan seterusnya diikuti dengan +1 877-781-7319. Maklumat lanjut tersedia di laman Sharepoint Pejabat Etika dan Pematuhan Kennametal yang dapat dicapai melalui The Hub.

Laporan juga dapat dibuat secara sulit dan tanpa-nama kepada Talian Bantuan Kennametal pada bila-bila masa melalui Internet di: <https://kennametal.ethicspoint.com>

Menyuarkan secara Lantang

Apakah yang berlaku ketika saya membuat laporan?

Kita menyediakan proses yang profesional, objektif dan sulit untuk menilaikan dan memberi respons kepada semua laporan Talian Bantuan dan soalan etika. Sekiranya anda menyuarakan sesuatu keprihatinan, Kennametal akan memandang berat tentangnya dan akan menyiasat secara segera serta mematuhi undang-undang tempatan.

Semua maklumat yang berkaitan dengan laporan disimpan secara sulit dan adalah terhad kepada individu-individu yang mesti terlibat dalam penyiasatan dan sebarang tindakan untuk menyelesaikan masalah yang dikenalpasti. Sekiranya anda memilih untuk membuat laporan secara tanpa-nama melalui Talian Bantuan, anda akan diberi satu nombor rujukan untuk menyemak semula status laporan atau memberi respons kepada permintaan untuk maklumat tambahan.



“ Sekiranya anda menyuarakan sesuatu keprihatinan, Kennametal akan **memandang berat tentangnya** dan akan **menyiasat dengan segera.** ”

Syarikat Kita Melarang Tindakan Balas Dendam

Kami mengakui bahawa terdapat masa di mana anda mungkin berkeberatan untuk mendapatkan panduan atau menyuarakan keprihatinan. Walau bagaimanapun, kami adalah berkomited secara teguh supaya tidak bertoleransi dengan tindakan balas dendam terhadap sesiapa yang membuat laporan berniat baik tentang salah laku etika atau undang-undang yang diketahui atau disyaki. Membuat laporan “berniat baik” bermaksud anda telah memberikan semua maklumat yang anda miliki dan anda mempercayai bahawa maklumat tersebut adalah benar. Anda harus berasa selesa dengan mengetahui bahawa anda tidak akan berhadapan dengan masalah sekiranya anda melaporkan secara berniat baik tentang pelanggaran kod ini yang disyaki – sekalipun keprihatinan anda didapati adalah tidak benar.

Kennametal mempunyai polisi global yang melarang tindakan balas dendam secara langsung atau tidak langsung dalam semua bentuk terhadap mereka yang melaporkan keprihatinan berniat baik. Kaji semula **Polisi Tanpa-balas-dendam dan Obligasi Melapor** Kennametal untuk maklumat lanjut.

Syarikat tidak akan mengambil tindakan balas dendam terhadap anda kerana membuat laporan, mengajukan soalan tentang Kod ini atau memberi kerjasama dalam siasatan. Ini bermaksud tiada sesiapa yang boleh mengambil tindakan disiplin terhadap anda atau memperlakukan anda secara kasar kerana mendapatkan panduan atau menyuarakan keperihatinan. Sesiapa yang didapati membala dendam dengan cara sedemikian akan tertakluk kepada tindakan disiplin, sehingga dan termasuk penarafan penggajian.

Meneroka Secara lebih Mendalam:

Contoh-contoh Membala dendam



Tindakan balas dendam mungkin termasuk, namun tidak terbatas pada, contoh-contoh seperti berikut:

- Tindakan pemecatan atau pemberhentian
- Pelucutan pangkat atau tindakan disiplin
- Menafikan faedah, kerja lebih masa atau kenaikan pangkat
- Ugutan
- Gagal untuk menggaji atau menggaji smeula
- Penugasan semula yang menjelaskan prospek kenaikan pangkat
- Menolak gaji atau waktu bekerja
- Tindakan balas dendam yang lain termasuk memulaukan seseorang daripada kegiatan syarikat atau mengambil tindakan yang memberi kesan negatif kepada persekitaran bekerja individu tersebut

Menang secara Berintegriti



Kita Menarik dan Mengekalkan Kakitangan yang Terbaik.

Kita bekerja keras untuk menarik, melibatkan, membangunkan dan mengekalkan kakitangan yang terbaik dan menyediakan tempat kerja baik yang inklusif dan memberi peluang untuk pembelajaran dan pembangunan berterusan.

Kita mengekalkan tenaga kerja yang mempunyai kepelbagaian dan inklusif.

Kita menghargai latar belakang dan perspektif berbeza kakitangan kita dan mempercayai bahawa kepelbagaian memberi kuasa kepada kita untuk memenangi pelanggan dan pemegang taruh kita. Kita melayan semua ahli pasukan dan rakan kongsi perniagaan secara adil dan munasabah bila-bila masa ketika kami sedang membuat keputusan berkaitan dengan penggajian dan memberi peluang kepada individu hanya berdasarkan merit. Kennametal melarangkan gangguan atau diskriminasi berdasarkan mana-mana ciri terlindung.

Menang secara Berintegriti Bermaksud...

- Menghayati dan menggunakan pendapat dan pengalaman berbeza di sekeliling anda di Kennametal, sama ada di kalangan rakan sekerja atau rakan kongsi anda.
- Menghargai dan menilaikan orang berdasarkan sumbangan mereka kepada Syarikat dan kemahiran dan pengalaman mereka.
- Semua keputusan berkaitan dengan pengambilan, termasuk pengambilan, penghentian, kenaikan pangkat, atau pemindahan kerja berdasarkan hanya pada keperluan perniagaan, kelayakan, kebolehan, sumbangan dan prestasi yang dipaparkan oleh seseorang individu.
- Menghormati hak asasi manusia semua individu di mana sahaja kita beroperasi.



PRINSIP ASAS

Kennametal berkomited untuk mengekalkan tempat kerja yang bebas daripada semua jenis gangguan dan diskriminasi, termasuk namun tidak terbatas pada gangguan dan diskriminasi yang berasaskan ciri-ciri berikut, konsisten dengan undang-undang tempatan:

- | | | |
|-------------------------|-----------------------------------|--|
| – Kaum atau warna kulit | – Kecacatan | – Status veteran |
| – Agama | – Orientasi seksual | – Ciri-ciri lain yang dilindungi oleh undang-undang dan peraturan terpakai |
| – Umur | – Negara asal atau etnik | |
| – Jantina | – Status perkahwinan dan keluarga | |



Menang secara Berintegriti

Kami melayani sesama sendiri secara saling menghormati.

Di Kennametal, kita menghargai budaya teguh saling menghormati dan melarangkan semua jenis diskriminasi, gangguan dan pembulian. Di mana sahaja kita beroperasi atau menjalani perniagaan, kita melayani orang lain dengan penuh hormat dan kemuliaan.



Menang secara Berintegriti Bermaksud...

- Bertindak secara profesional dan melayani orang lain dengan penuh hormat dan kemuliaan buat setiap masa.
- Tidak membuli, mengugut dengan keganasan, atau menggertak orang lain.
- Berjaga-jaga bahawa orang lain mungkin berpendapat bahawa tingkah laku anda adalah tidak sesuai atau kasar.
- Untuk pemimpin, memandu budaya saling menghormati dalam pasukan anda.



PRINSIP ASAS

Gangguan dan pembulian merupakan tindakan tidak diingini terhadap individu atau kumpulan manusia berdasarkan tindakan atau tingkah laku yang:

- Berniat untuk melukai kehormatan diri seseorang atau mencipta persekitaran kerja yang mengancam, bermusuhan atau kasar;
- Menyebabkan prestasi kerja merosot; atau
- Menjejaskan peluang kerjaya, pembangunan atau kemajuan.

Menang secara Berintegriti

Kita menghormati privasi maklumat peribadi.

Kakitangan kita menpercayai kita untuk melindungi maklumat peribadi dan sulit yang mereka berkongsi dengan kita. Kita mematuhi semua undang-undang privasi dan pelindungan data yang digunakan ke atas maklumat yang kita kumpulkan dan kita amat berhati-hati ketika mengumpul, menggunakan dan menyimpan maklumat peribadi pekerja dan rakan kongsi perniagaan.

Menang secara Berintegriti Bermaksud...

- Mengetahui cara mengenalpasti maklumat peribadi dan mengendalinya secara sesuai mengikut polisi Syarikat dan undang-undang.
- Mengumpul, mengakses dan menyimpan maklumat peribadi hanya sekiranya anda diberi kuasa untuk membuat demikian dan ia adalah wajib untuk menjalani kerja anda.
- Tidak berkongsi maklumat peribadi dengan sesiapa yang tidak berkenaan.



Kita menang ketika kita membuat keputusan yang baik.

Semalam, ketika saya pergi menggunakan mesin penyalin, saya ternampak maklumat gaji yang saya mengetahui bahawa saya tidak seharusnya membaca. Dengan melihat secara sekilas, saya mendapati bahawa ia mempunyai nama-nama rakan sekerja saya dan maklumat yang berkaitan dengan slip gaji mereka. Ia adalah susah supaya tidak melihat dokumen tersebut secara teliti, terutamanya ketika saya ingin memohon kenaikan gaji. Walaupun ia amat menarik, saya melipat kertas tersebut dan membawanya terus kepada pengurus saya. Saya tahu betapa banyak dia menghayati tindakan saya dalam menghormati maklumat peribadi yang saya tidak sepatutnya membaca dan saya mengembalikannya kepadanya.



Kita Bekerja secara Selamat, Melindungi Kesihatan dan Menjaga Alam Sekitar.

Kita mengetahui bahawa prestasi cemerlang dalam alam sekitar, kesihatan dan keselamatan (EHS) menyumbang secara langsung kepada kejayaan Kennametal dan ia merupakan faktor wajib untuk mencapai potensi perkembangan kita yang maksimum. Kita menjadikan EHS sebagai bahagian teras perniagaan kita dengan menggabungkan amalan keselamatan, tanggungjawab sosial, dan kecermelangan alam sekitar ke dalam operasi harian dan proses membuat keputusan kita.

Menang secara Berintegriti

Kami memupuk tempat kerja yang selamat dan bebas daripada penyalahgunaan bahan.

Kita semua berkongsi tanggungjawab untuk mengekalkan tempat kerja yang selamat, sihat dan bebas daripada penyalahgunaan bahan serta mencegah semua kecenderaan di tempat kerja dan kejadian alam sekitar di seluruh dunia. Ini bermula dengan mematuhi semua undang-undang dan peraturan seluruh dunia yang digunakan ke atas kita. Namun ia juga bermaksud bertindak bijak tentang keselamatan – daripada bagaimana kita menjaga diri sendiri, sehingga bagaimana kita berjaga-jaga untuk kesejahteraan orang lain – keselamatan merupakan usaha secara kumpulan.

Menang secara Berintegriti Bermaksud...

- Tidak membenarkan pertimbangan atau kebolehan anda dikrompomikan oleh dadah atau alkohol ketika bekerja.
- Tidak memiliki, menggunakan, menjual, memberi, atau mengedarkan dadah haram atau bahan dikawal yang lain ketika bekerja untuk Kennametal.
- Menghormati dan mematuhi semua polisi yang memerlukan kelengkapan keselamatan – tiada pengecualian.
- Mengetahui dan mematuhi semua prosedur keselamatan ketika anda bekerja atau melawat.
- Melaporkan mana-mana kecederaan tempat kerja, alat peranti keselamatan yang hilang pada peralatan atau mesin atau keprihatinan keselamatan yang lain dengan segera.



Menang secara Berintegriti Bermaksud...

- Memahami dan mematuhi semua undang-undang dan polisi-polisi Syarikat yang berkaitan dengan pembuangan sisa.
- Mendapatkan semua permit alam sekitar dan pekerjaan yang diperlukan untuk kerja tersebut.
- Menyelenggara semua rekod yang berkaitan dengan EHS, mengikut polisi simpanan rekod Syarikat.
- Melaporkan mana-mana tumpahan, pembuangan dan keprihatinan alam sekitar yang lain dengan segera.
- Sentiasa melanjutkan peluang untuk mengehadkan jumlah pemancaran ke alam sekitar dan mengurangkan penggunaan tenaga.
- Mengambil bahagian dalam aktiviti sukarela untuk menyokong komuniti di mana kita tinggal dan bekerja.



Menang secara Berintegriti



Kita Menang secara Berintegriti dan Berinovasi.

Kita sentiasa memenangi perniagaan secara berintegriti, hanya berdasarkan merit kerja kita, qualiti produk kita dan komitmen kepada kecermelangan komersil. Kita bertindak secara beretika, mematuhi peraturan yang mengawal perniagaan kita, dan tidak berkompromi reputasi kita dengan mengambil kesempatan yang tidak adil.

Kita bersaing secara adil.

Di Kennametal, kami secara agresif membezakan kita daripada persaingan kita secara jujur dan adil, berdasarkan kelebihan produk dan perkhidmatan kita. Di sekitar dunia, terdapat banyak undang-undang yang mempromosikan persaingan bebas dan adil, dan mengawal cara kita berinteraksi dengan persaingan kita. Undang-undang tersebut adalah rumit, dan berbeza dari negara ke negara, and akibat melanggari undang-undang tersebut adalah berat. Kita mematuhi **Prosedur Pematuhan Antitrust** Kennametal dan semua undang-undang persaingan dan mengelakkan sekalipun tanda-tanda salah laku.



“ ...kita secara agresif membezakan kita daripada persaingan kita secara jujur dan adil... ”


Menang secara Berintegriti Bermaksud...

- Bersaing secara berkobar-kobar dan agresif, tetapi sentiasa adil – memenangi perniagaan berdasarkan nilai, qualiti dan perkhidmatan.
- Sentiasa tepat dan benar ketika berurus dengan pelanggan, dan berjaga-jaga supaya tidak menyalahgambarkan qualiti, harga, ciri istimewa dan ketersediaan produk dan perkhidmatan kita atau pesaing kita.
- Mengetahui dan mematuhi semua undang-undang terpakai – tidak menyetujui dengan tindakan pesaing untuk menetapkan harga, membahagikan pelanggan atau pasaran, mengehadkan keluaran, memanipulasi bida, atau cara-cara lain untuk mengehadkan persaingan di pasaran kita dan tidak membincangkan butiran penentuan harga atau produk dengan pesaing.
- Tidak menyetujui mana-mana jenis boikot.
- Membiasakan diri anda dengan undang-undang persaingan sebelum menghadiri mesyuarat persatuan perniagaan atau mendapatkan panduan apabila tidak pasti.
- Tidak meminta sesiapa untuk mengambil perkhidmatan atau produk yang mereka tidak ingini supaya mereka boleh mendapat apa-apa yang mereka ingini.

Menang secara Berintegriti


Meneroka Secara Lebih Mendalam:

Maklumat berdaya saing



ia adalah mustahak bahawa kita semua memahami bahawa peraturan tertentu digunakan ketika mengumpul maklumat berdaya saing:

- Tidak mendapatkan maklumat sulit pesaing, dan jangan menerima melainkan anda mendapat kelulusan yang jelas daripada Pejabat Kaunsel Am.
- Tidak mengupah pekerja pesaing untuk mendapatkan maklumat sulit. Pekerja yang baru diupah tidak seharusnya mengambil sebarang kertas atau rekod elektronik daripada majikan sebelumnya.
- Sekiranya maklumat ditandakan sebagai "Sulit" atau bahasa yang serupa, bercakap dengan seseorang daripada Pejabat Kaunsel Am sebelum menggunakan.
- Jangan saling bertukar maklumat pemasaran atau maklumat perniagaan yang lain dengan pesaing.
- Sekalipun maklumat berdaya saing mumcul di atas meja anda, mendapatkan nasihat daripada Pejabat Kaunsel Am sebelum menggunakan.



Kita menang ketika kita membuat keputusan yang baik.

Baru-baru ini saya berada di sebuah persidangan persatuan perniagaan, ketika salah seorang daripada rakan sekerja lama saya yang sekarang bekerja untuk pesaing mula berbincang tentang harga. Saya tahu bahawa saya tidak seharusnya mengadakan perbincangan sedemikian, namun saya risau saya akan kelihatan biadab sekiranya saya cuba beredar. Walaupun saya berasa sedikit kekok, saya memberanikan diri untuk memberitahu rakan sekerja lama saya bahawa walaupun saya ingin berbual-bual, saya tahu bahawa kami seharusnya mengelakkan semua jenis perbualan tersebut sekarang kerana kami tidak bekerja di tempat yang sama. Saya mengucapkan semoga berjaya kepadanya dan berjalan ke arah yang lain. Saya membuat panggilan kepada pengurus saya untuk memberitahunya tentang apa yang telah berlalu. Dia kelihatan benar-benar menghargai panggilan saya dan berkata bahawa dia akan mengambil tindakan susulan dengan penguam di Pejabat Kaunsel Am.

Kita tidak menyogok

Di Kennametal, kita tidak menyogok atau terlibat dalam kegiatan rasuah. Ini bermaksud kita tidak menawarkan atau menerima apa-apa yang bernilai untuk mempengaruhi keputusan perniagaan atau mendapatkan kesempatan yang tidak adil. Ini adalah benar sama ada kita sedang bekerja dalam perniagaan swasta atau dengan pegawai kerajaan- dan ia digunakan di mana-mana tempat yang kita menjalani perniagaan di seluruh dunia.

Terdapat banyak undang-undang yang melarang sogokan dan rasuah dalam urusan perniagaan di seluruh dunia. Undang-undang tersebut dan polisi Syarikat melarang secara ketat mana-mana kakitangan Kennametal atau parti ketiga yang bekerja untuk kita, termasuk agen, pengedar, atau penjual daripada memberikan atau menerima sogokan atau hasil faedah dalam sebarang bentuk. Hukuman terhadap rasuah mungkin adalah berat kepada Syarikat kami dan individu yang terlibat, termasuk hukuman penjara serta denda dan hukuman yang berat. Dalam semua urusan perniagaan kita di Kennametal, kita akan mematuhi semua undang-undang anti-sogok dan anti-rasuah yang digunakan dan bekerja secara rajin untuk memastikan bahawa kita dapat bersaing dan membuat keputusan yang beretika dan mematuhi undang-undang.



PRINSIP ASAS

Sogokan didefinisikan secara am sebagai memberi, atau menawarkan, atau menjanjikan apa-apa yang bernilai kepada sesiapa yang kita mengadakan perniagaan bersama-sama ada secara langsung atau melalui perantara – supaya mendapatkan kesempatan perniagaan yang tidak wajar. Sogokan terdapat dalam banyak bentuk, seperti bayaran, peluang perniagaan dan pekerjaan, atau hadiah atau pelancongan yang tidak wajar, dan sebagainya.

Sila rujuk kepada **Polisi Anti-Rasuah dan Anti-Sogok Global** untuk maklumat lanjut.

Menang secara Berintegriti


Menang secara Berintegriti Bermaksud...

- Tidak menawarkan sesuatu yang bernilai kepada mana-mana pihak untuk cuba mendapatkan kesempatan perniagaan yang tidak adil.
- Tidak menyembunyikan atau cuba menyembunyikan sogok.
- Mengadakan pengawasan sewajarnya ke atas kegiatan pihak ketiga, termasuk agen, pengedar, penjual dan pihak lain-lain yang bekerja dengan Kennametal, untuk memastikan kegiatan mereka mematuhi undang-undang dan polisi-polisi syarikat yang terpakai.
- Memastikan bahawa semua pembayaran dan transaksi dicatat dengan tepat.
- Sentiasa mematuhi undang-undang dan polisi syarikat dalam interaksi anda dengan pegawai kerajaan.
- Tidak mengguna pihak ketiga untuk melibatkan dalam kegiatan yang anda dilarangi daripada melakukannya secara terus sebagai seorang kakitangan atau wakil Kennametal.
- Tidak membuat bayaran permudahan tanpa kelulusan terdahulu dalam bentuk tulisan daripada Pejabat Kaunsel Am.



Kita menang ketika kita membuat keputusan yang baik.

Saya telah bekerja bersama dengan agen yang sama dalam sebuah projek untuk beberapa tahun. Dia sentiasa cekap dalam kerjanya dan saya juga berasa dia seorang yang peramah dan senang untuk bekerja bersamanya. Dalam beberapa bulan baru-baru ini, saya mendapati bahawa invoisnya telah bertukar sedikit, dan ia adalah tidak jelas kecuali rujukan baru kepada pembayaran sub-kontraktor. Saya tidak ingin meraguiinya kerana saya sentiasa mempercayainya, tetapi ini merupakan keadaan yang meragukan. Setelah menanyainya dan tidak berasa selesa dengan jawapannya, saya memberitahu penyelia saya tentang keraguan saya. Dia memberitahu bahawa menyuarakan keraguan ialah tindakan yang betul dan kami akan bekerja sama dengan Pejabat Kaunsel Am untuk mengambil langkah seterusnya.



Meneroka Secara lebih Mendalam:

Siapakah pegawai kerajaan?

Pegawai kerajaan bermaksud individu yang bekerja untuk atau merupakan agen untuk entiti yang dimiliki kerajaan atau dikawal kerajaan. Ini termasuk, namun tidak terbatas pada:

- Pengawai dan kakitangan daripada jabatan, agensi, atau lembaga kerajaan.
- Sesiapa yang bekerja untuk kerajaan, tentera, atau parti politik.
- Pegawai dan pekerja perniagaan komersil yang dimiliki kerajaan atau tentera secara separa atau sepenuhnya.
- Pegawai dan kakitangan daripada organisasi awam antarabangsa, seperti Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu.

Undang-undang Amerika Syarikat dan undang-undang kebanyakan negara di mana kita menjalani perniagaan

melarangkan secara ketat sogongan pegawai kerajaan. Berikut ialah sesetengah “bendera merah” yang harus diberi perhatian:

- Pembayaran tunai atau tanpa rekod kepada pegawai politik atau kakitangan kerajaan.
- Ganjaran atau hiburan perniagaan pegawai politik atau kakitangan kerajaan (atau ahli keluarga mereka) tanpa mengikut panduan polisi dan syarat perakaunan.
- Permintaan untuk memasukkan ahli keluarga pegawai kerajaan dalam pelan lawatan berkaitan dengan lawatan tapak.
- Mengupah orang atas permintaan pegawai kerajaan.
- Permintaan bayaran untuk mendapatkan kelulusan kerajaan, termasuk kelulusan kastam, permit dan lesen.

Menang secara Berintegriti

Kita menggunakan pertimbangan yang baik ketika saling bertukar hadiah dan hiburan.

Hadiah, hospitaliti, dan hiburan merupakan alat berguna untuk membina perasaan persahabatan dan mengiktiraf pencapaian bersama. Di Kennametal – kita hanya saling bertukar hadiah dan hiburan apabila kita adalah pasti bahawa berbuat demikian tidak akan mengkompromikan kebolehan kita untuk membuat keputusan perniagaan yang adil dan kita mematuhi undang-undang dan polisi Syarikat. Rujuk kepada **Polisi Global Hadiah Perniagaan dan Hiburan untuk maklumat lanjut.**



“ ...kita hanya saling bertukar hadiah dan hiburan apabila kita adalah **pasti bahawa berbuat demikian **tidak akan mengkompromikan** kebolehan kita untuk membuat keputusan perniagaan yang **adil**... ”**

Menang secara Berintegriti

Menang secara Berintegriti Bermaksud...

- Mengetahui dan mematuhi semua polisi-polisi Syarikat berkaitan dengan hadiah dan hiburan, perancangan acara, dan perbelanjaan perniagaan termasuk merekodkan semua perbelanjaan secara tepat dan mendapatkan semua kelulusan sebelum yang diperlukan.
- Memastikan bahawa sebarang hadiah atau hiburan yang anda saling bertukar dengan hubungan perniagaan mempunyai nilai yang nominal, berpatut bagi keadaan tersebut, dan tidak diberikan secara kerap.
- Tidak memberi atau menerima wang tunai atau yang setimpal, seperti sijil hadiah atau kad hadiah kepada atau daripada penjual, pembekal, atau pelanggan.
- Jika tidak berasa selesa menerima sesuatu hadiah, terus menolak hadiah tersebut atau berunding dengan pengurus atau Pejabat Etika dan Pematuhan untuk panduan.
- Mengelakkan keadaan yang mencerminkan gambaran yang buruk ke atas reputasi Kennametal, seperti saling bertukar hadiah yang tidak sesuai atau mengambil bahagian dalam bentuk hiburan yang tidak sesuai.
- Berfikir tentang polisi hadiah pelanggan dan rakan kongsi perniagaan dan tidak menawarkan sesuatu yang mungkin melanggar polisi-polisi mereka.



Kita menang ketika kita membuat **keputusan yang baik**.

Minggu lepas saya menerima panggilan daripada salah seorang daripada pelanggan kegemaran saya. Dia menawarkan dua keping tiket ke konsert yang akan datang... yang telah habis dijual sejak beberapa bulan yang lalu. Kami menjadi akrib semasa beberapa tahun yang lalu, dan saya mengetahui bahawa dia benar-benar menawarkan tiket sebagai kawan saya, dan bukan cuba dan membeli perniagaan saya. Walaupun saya ingin menerima tiket tersebut, saya berfikir tengan bagaimana objektiviti saya telah dikompromi. Saya juga tahu bahawa tiket tersebut menang sangat mahal dan menerima tidak sejajar dengan polisi kita. Ia adalah susah untuk menolak, namun saya mengambil tindakan yang betul. Dia menunjukkan penghargaan ketika saya menolak secara spoan dan saya mengetahui bahawa dia menghormati saya untuknya.

Menang secara Berintegriti

Kita mengiktiraf dan mendedahkan konflik kepentingan.

Kita semua bertanggungjawab untuk membuat keputusan dan mengambil tindakan yang mempromosikan kepentingan terbaik untuk Syarikat. Konflik kepentingan berlaku ketika kepentingan peribadi, kewangan, atau kepentingan atau hubungan keluarga mengganggu, atau kelihatan mengganggu, dengan kebolehan anda untuk menjadi objektif dan bertindak untuk kepentingan terbaik Kennametal. Konflik kepentingan boleh memudaratkan reputasi anda dan Syarikat secara teruk dan dalam sesetengah keadaan, ia mungkin adalah melanggar undang-undang.

Untuk melindungi Syarikat kita dan mempromosikan ketelusan dengan pelanggan, rakan kongsi perniagaan dan pemegang saham kita, kita harus sentiasa mengelakkan konflik kepentingan, dan mendedahkan apa-apa yang mungkin atau kelihatan seperti konflik. Konflik kepentingan mesti didedahkan dan diuruskan mengikut **Polisi Konflik Kepentingan Global** Kennametal.



Menang secara Berintegriti Bermaksud...

- Mendedahkan sebarang konflik kepentingan yang sebenar atau berpotensi kepada pengurus dan Pejabat Etika dan Pematuhan dengan segera.
- Ketika konflik kepentingan dikenal pasti, memastikan bahawa semua pelindungan yang diperlukan dilaksanakan untuk melindungi kepentingan terbaik untuk Syarikat dan mematuhi undang-undang.
- Mengelakkan kepentingan, kegiatan atau hubungan yang mengganggu kepentingan terbaik untuk Kennametal atau kebolehan anda untuk membuat keputusan secara objektif.

Meneroka Secara lebih Mendalam:

Konflik kepentingan




Kod ini tidak dapat meliputi semua konflik kepentingan yang mungkin wujud, namun berikut terdapat beberapa contoh untuk pertimbangan anda. Sekiranya anda mempunyai raguan tentang sesuatu hubungan atau kepentingan, bercakap dengan pengurus anda dan menghubungi Pejabat Etika dan Pematuhan.

- Menerima faedah peribadi untuk diri anda atau untuk ahli keluarga atas sebab jawatan anda di Kennametal.
- Mengadakan kontrak atau menerima bida daripada pembekal, kontraktor atau pelanggan Kennametal di mana hubungan keluarga, kewangan atau peribadi terlibat.
- Memegang kepentingan hak milik yang besar dalam mana-mana pembekal, pelanggan atau pesaing Kennametal.
- Menjadi pengurus atau mempunyai kebolehan kelulusan untuk ahli keluarga atau kawan peribadi yang akrib.
- Terlibat dalam kegiatan perniagaan di luar menggunakan masa atau sumber Kennametal, atau yang bersaing dengan perniagaan Kennametal.
- Bekerja atau berunding untuk pesaing Kennametal ketika masih diupah oleh Kennametal.
- Menggunakan, untuk keuntungan atau faedah kewangan peribadi, maklumat sulit yang diperoleh semasa perkaitan anda dengan Kennametal.



Kita mematuhi semua undang-undang eksport, import dan kawalan perdagangan.


Sebagai sebuah perniagaan antarabangsa, urus niaga kita selalu melibatkan pemindahan produk, teknologi, perkhidmatan melintasi sempadan negara. Kegiatan perdagangan kita adalah dikawal secara ketat, dan banyak kerajaan mengadakan undang-undang dan peraturan untuk mengawal import, eksport, dan kegiatan berkaitan.



Kita mesti biasa dengan undang-undang and peraturan tersebut yang digunakan ke atas kegiatan perniagaan kita dan ingat bahawa undang-undang dan peraturan tersebut mungkin rumit dan sentiasa bertukar. Semua kegiatan harus dilaksanakan mengikut **Polisi Pematuhan Eksport dan Perdagangan** Kennametal. Pelanggaran undang-undang and peraturan perdagangan global mungkin menyebabkan hukuman sivil dan jenayah yang berat kepada kakitangan dan Syarikat, termasuk kehilangan keupayaan untuk mengeksport barang kepada pelanggan dan lokasi Kennametal di seluruh dunia.

Menang secara Berintegriti Bermaksud...

- Mengenali dan memahami kawalan perdagangan yang terpakai untuk kerja anda.
- Ketika terdapat peluang baru, meyemak semula **Polisi Pematuhan Eksport dan Perdagangan** Kennametal dan berunding dengan Pejabat Kaunsel Am atau pasukan Pematuhan Perdagangan sebelum bertindak, terutama dalam urus niaga yang melibatkan:
 - Tentera atau aplikasi atau penggunaan akhir nuklear
 - Serbuk besi tulen atau hamper tulen (lebih daripada 99%)
 - Komponen aero angkasa
 - Urus niaga wang tunai atau setimpal untuk pelanggan luar negara
 - Dokumentasi penghangtaran dan invois yang tidak sepadan
 - Pembeli dan alamat “Dikirim kepada” yang tidak sepadan
 - Dokumentasi yang hilang
 - Spesifikasi produk yang disebut dan penggunaan akhir yang tidak konsisten



Meneroka Secara lebih Mendalam:

Pertimbangan pematuhan perdagangan global

Kawalan Import dan Eksport

Terdapat banyak contoh berkenaan kawalan dan sekatan ke atas produk, perkhidmatan dan maklumat teknikal kita. Untuk membolehkan Kennametal mematuhi sekatan-sekatan tersebut, kita mesti mengetahui maklumat berikut:

- Siapa yang terlibat dalam urus niaga?
- Adakah pengguna akhir telah ditapis untuk sekatan dan embargo?
- Ke manakah dan bagaimakah produk akan diangkut?
- Apakah yang diimport atau dieksport?
- Adakah kita mematuhi syarat perlesenan yang betul?
- Bagaimanakah produk tersebut digunakan?

Sila ingat bahawa sekatan undang-undang khas digunakan ke atas produk atau teknologi yang mungkin mempunyai penggunaan tentera, nuklear atau dwi penggunaan.

Sekatan dan Embargo Ekonomik

Terdapat sekatan khas berkenaan perdagangan dengan individu dan negara-negara tertentu. Sekatan-sekatan tersebut mungkin terpakai untuk sebuah negara atau sektor komersil dalamnya atau untuk pengguna akhir yang dinyatakan. Sekiranya, pada bila-bila masa, anda mendapati bahawa sesuatu urus niaga melibatkan negara sekatan atau embargo, pengguna atau penggunaan akhir yang dihadkan – atau sesuata parti yang disekat terlibat dalam mana-mana aspek urus niaga – anda mesti menghubungi Pasukan Pematuhan Perdagangan atau Pejabat Kaunsel Am dengan segera.

Boikot

Kennametal perlu mematuhi undang-undang anti-boikot Amerika Syarikat yang melarangi kita daripada mengambil bahagian dalam sebarang boikot tanpa persetujuan di mana sahaja kita beroperasi. Permintaan untuk mengambil bahagian dalam boikot jenis tersebut mungkin susah untuk dikenal pasti dan mungkin merupakan permintaan secara bercakap atau bertulis yang terkandung dalam usul, surat syarat kredit dan dalam dokumentasi penghantaran. Hubungi pasukan Pematuhan Perdagangan jika terdapat mana-mana situasi tersebut berikut.



Menang secara Berintegriti

Kita mengambil bahagian dalam proses politik secara adil dan mematuhi semua undang-undang dan peraturan.

Di Kennametal, kita mematuhi semua undang-undang yang mengawasi kegiatan politik korporat. Kita juga menghargai pengambil bahagian individu dalam proses politik dan memupuk ini sebagai perkara pilihan peribada. Untuk mematuhi undang-undang rumit yang mengawal kegiatan politik korporat, hubungi Pejabat Kaunsel Am atau Perhubungan Korporat untuk panduan sebelum membuat atau menjanji sebarang sumbangan bagi pihak Kennametal.



“ Kita menghargai pengambil-bahagian individu dalam proses politik. ”

Menang secara Berintegriti Bermaksud...

- Jika anda mengambil bahagian dalam kegiatan politik peribadi, melakukannya semasa masa peribadi anda dan dengan perbelanjaan anda sendiri.
- Mendapat kelulusan sebelum menggunakan harta benda, fasiliti, masa atau dana Syarikat untuk kegiatan politik.
- Tidak cuba mendapatkan sumbangan untuk sebab atau calon politik daripada rakan sekerja ketika sedang bekerja atau di harta benda Syarikat.
- Tidak membuat pernyataan awam, termasuk yang terpapar di laman sosial media peribadi, tentang isu politik yang mungkin boleh mereka tanggapan bahawa anda bercakap sebagai wakil Kennametal.
- Mengambil bahagian dalam kegiatan politik korporat untuk Kennametal hanya sekiranya anda mempunyai kebenaran untuk berbuat demikian dan memastikan bahawa anda memahami dan mematuhi semua polisi Syarikat yang terpakai.
- Jika anda berasa tertekan di tempat kerja untuk mengambil bahagian dalam sebarang kegiatan politik atau membuat sebarang sumbangan, anda harus melaporkannya dengan segera.

Menang secara Berintegriti



Kita Berbangga Diri atas Prestasi.

Kami berbangga diri kerana menyampaikan prestasi yang kukuh untuk pelanggan, rakan kongsi perniagaan dan pemegang saham kita, konsisten dengan nilai teras kita berkaitan dengan etika dan integriti.

Kita tidak mendagangkan atau memberi tip untuk Maklumat Dalaman.

Semasa bekerja di Kennametal, anda mungkin memperoleh maklumat tentang Syarikat, pembekal, pelanggan, atau rakan kongsi perniagaan, yang mempunyai potensi untuk mempengaruhi harga sahamnya. Membeli atau menjual saham ketika anda mempunyai maklumat ini, dan sebelum ia tersedia untuk orang awam, adalah meyalah undang-undang dan melanggari polisi Syarikat. Di Kennametal, kita mematuhi semua undang-undang yang melarangkan urus niaga dalaman.

Ita juga adalah meyalah undang-undang, dan melanggari **Polisi Urus Niaga Dalaman** Kennametal, untuk berkongsi maklumat atau memberikan "tip" kepada orang lain yang mungkin berurus niaga berasaskan maklumat itu dengan mana-mana cara.



PRINSIP ASAS

"Memberikan tip" ialah memberikan maklumat dalaman (mana-mana bahan, maklumat bukan-awam) kepada orang lain yang kemudiannya menggunakan maklumat itu untuk membuat keputusan untuk membeli atau menjual saham. Maklumat tersebut boleh termasuk, sebagai contoh, butiran prestasi kewangan, rundingan untuk membeli atau menjual aset atau perniagaan, atau kegiatan penyelidikan dan pembangunan yang utama atau pelancaran produk baru.

Menang secara Berintegriti Bermaksud...

- Sekiranya anda mempunyai maklumat dalaman, anda tidak boleh membeli atau menjual saham Syarikat dalam nama anda atau nama ahli keluarga, kawan, atau orang lain.
- Berjaga-jaga jika seseorang meminta maklumat dalaman, anda seharusnya menolak untuk memberikannya kepada mereka, dan kemudian bercakap dengan pengurus anda atau Pejabat Kaunsel Am dengan segera.
- Merujuk kepada **Polisi Urus Niaga Dalaman**, dan jika perlu, menghubungi Pejabat Kaunsel Am, sebelum berurus niaga dalam saham Syarikat atau saham pembekal, penjual, pelanggan atau rakan kongsi Syarikat yang lain.



Meneroka Secara Lebih Mendalam:

Tingkap urus niaga



Oleh sebab Kennametal ialah syarikat dagangan awam, kakitangan, pegawai dan ahli Lembaga Pengarah yang mempunyai bahan maklumat dalaman mesti mengikut panduan urus niaga khas yang mendefinisikan bila dan bagaimana mereka boleh berurus niaga dalam saham Kennametal. **Polisi Urus Niaga Dalaman** Kennametal memberikan panduan yang jelas kepada pegawai, pengarah dan kakitangan untuk urus niaga saham Kennametal. Hubungi Pejabat Kaunsel Am untuk panduan.

Menang secara Berintegriti

Kita memaparkan transparensi dalam laporan kewangan kita.

Di Kennametal, kita sentiasa menyeleggara pernyataan kewangan yang tepat dan lengkap dan mempunyai polisi dan kawalan untuk memastikan laporan kewangan dan pendedahan adalah bertepatan masa, tepat dan lengkap.



Menang secara Berintegriti Bermaksud...

- Sentiasa tepat and jujur, dan mematuhi semua polisi Syarikat dan prosedur kawalan dalaman ketika membuat rekod aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan.
- Bekerjasama sepenuhnya dengan juruaudit dalaman dan luaran serta mendedahkan semua maklumat yang diperlukan kepada mereka pada masa yang tepat, secara lengkap dan tepat supaya mereka dapat membantu kita memastikan pematuhan dengan prinsip-prinsip tersebut.
- Mengetahui dan memahami peraturan khas yang digunakan ke atas laporan ketika kerajaan merupakan pelanggan kita.



Meneroka Secara lebih Mendalam:

Penipuan

Bagaimanakah penipuan kelihatan?

Penipuan boleh didefinisikan sebagai “pencurian secara penipuan”. Ia berlaku ketika seseorang meyalahgambarkan kebenaran, meninggalkan dan memalsukan dokumentasi, atau menyembunyikan maklumat berkaitan, sering kali untuk keuntungan peribadi.

Penipuan boleh termasuk pemindahan dana Syarikat, pencurian produk atau bahan, komputer, skim kad kredit dan penipuan dalam pemerolehan perjanjian.

Berjaga-jaga untuk menandatangani rekod syarikat yang telah dicipta atau diubah dalam cara sedemikian sehingga mereka adalah tidak lagi tepat, benar dan lengkap.

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan, atau raguan tentang penipuan di Syarikat kita, hubungi Pejabat Etika dan Pematuhan dengan segera.


Menang secara Berintegriti

Kita melindungi aset dan maklumat Syarikat.

Semua aset Kennametal, termasuk aset kewangan, harta fizikal, dan maklumat sulit adalah penting untuk kejayaan. Kita mesti menggunakan aset-aset tersebut secara bertanggungjawab dan bekerjasama untuk melindungi mereka daripada pencurian, kelalaian, dan pembaziran, sama ada ia bermaksud melindungi pengaksesan ke tapak pembinaan, kelengkapan dan peralatan atau melindungi maklumat sulit. Kita juga mesti melindungi sumber dan aset pelanggan yang diberikan kepada kita untuk mengguna dan disimpan dengan selamat.

Menang secara Berintegriti Bermaksud...

- Bertanggungjawab ketika mengguna harta, sumber atau maklumat Kennametal, pelanggan dan rakan kongsi perniagaan.
- Mematuhi semua prosedur Kennametal ketika menggunakan kereta syarikat.
- Tidak menggunakan harta atau perkhidmatan Kennametal atau pelanggan untuk faedah peribadi anda atau untuk faedah peribadi orang lain.
- Tidak berkongsi maklumat sulit atau hak milik perniagaan dengan sesiapa yang tidak bekerja untuk Syarikat melainkan anda mempunyai kelulusan untuk buat demikian.
- Use confidential information only when necessary to carry out your job. Menggunakan maklumat sulit hanya ketika ia diperlukan untuk melaksanakan kerja anda.



Kita menang ketika kita membuat keputusan yang baik.

Pagi ini, saya menerima sebuah e-mel yang bukan dimaksudkan untuk saya – ia sepatutnya dihantar kepada salah seorang daripada eksekutif di Syarikat yang berkongsi nama keluarga yang sama. Saya menyedari ini semasa saya sedang membaca e-mel tersebut yang mengandungi maklumat tentang perubahan strategik untuk Syarikat yang belum diumumkan secara dalaman atau kepada orang awam. Ketika saya bertanya-tanya mengapakah saya menerima mesej ini, saya terlihat nama-nama penerima yang lain dan menyedari bahawa terdapat kesilapan yang telah dibuat. Ia adalah menarik untuk terus membaca, dan juga menarik untuk berkongsi maklumat yang saya baca dengan rakan sekerja akrib yang saya tahu bahawa juga akan mengetahui maklumat tersebut kemudian, tetapi saya tahu bahawa maklumat ini adalah sulit dan saya juga tahu bahawa saya tidak seharusnya menerimanya. Saya berhenti membaca mesej tersebut dan membuat panggilan kepada penghantar untuk memaklum kepadanya bahawa saya menerima mesej tersebut secara silap. Dia meminta saya memadamkan e-mel tersebut dan tidak berkongsi maklumat yang terkandung dalamnya dan memberitahu saya bahawa dia akan mengambil langkah lain yang diperlukan dari pihaknya. Saya tahu dia menghargai panggilan saya dan saya berasa senang hati bahawa saya telah menguruskan e-mel tersebut dengan cara sedemikian.

Menang secara Berintegriti

Kita melindungi Harta Intelek kita.

Harta intelek kita, termasuk paten, hak cipta, cap dagang dan rahsia urus niaga, membolehkan kita menyediakan produk dan perkhidmatan yang pelanggan kita boleh bergantung kepada. Kita mesti melindungi harta intelek dan memaparkan penjagaan dan penghormatan yang sama kepada harta intelek pihak ketiga.



Menang secara Berintegriti Bermaksud...

- Memahami bagaimana mengenali harta intelek dan bagaimana melindunginya.
- Memastikan semua perjanjian ketakdedahan dilaksanakan.
- Menghormati harta intelek dan paten parti ketiga.
- Tidak menggunakan bahan yang dimuat turun dari Internet di bahan Syarikat tanpa kebenaran, dan tidak membuat salinan rencana untuk pengedaran am tanpa kebenaran yang sesuai.
- Tidak menggunakan lukisan yang ditanda sebagai "sulit" tanpa kebenaran.
- Mendapatkan panduan daripada Pejabat Kaunsel Am sekiranya anda mempunyai soalan tentang sama ada sesuatu harus dikira sebagai harta intelek atau anda berasa prihatin tentang harta intelek Kennametal yang dalam risiko.



Kita menggunakan sistem maklumat Syarikat kita secara bertanggungjawab.

Sistem maklumat Syarikat kita adalah mustahak bagi kebolehan kita supaya menjalani perniagaan secara berkesan dan terjamin. Kita semua bertanggungjawab untuk memaparkan pertimbangan yang baik dan mematuhi polisi Syarikat ketika menggunakan sistem maklumat kita.

Menang secara Berintegriti

Menang secara Berintegriti Bermaksud...

- Mematuhi semua polisi dan prosedur Syarikat ketika menggunakan komputer, alat peranti, dan rangkaian Kennametal.
- Menggunakan kata laluan yang kukuh yang tidak boleh diteka secara senang dan tidak berkongsi kata laluan atau maklumat log masuk dengan orang yang tidak mempunyai keizinan.
- Melaporkan e-meil atau kegiatan sistem yang mencurigakan dengan segera, termasuk sebarang pelanggaran data yang mencurigakan.
- Mengunci komputer riba atau kelengkapan anda yang lain bila-bila masa anda meninggalkannya, sekalipun anda hanya meninggalkannya untuk jangka masa yang pendek.
- Mengambil langkah untuk memastikan ruang kerja anda disenggarakan dengan cara tertentu supaya anda akan menyedarinya jika sesuatu yang penting telah hilang.
- Tidak menggunakan sistem Syarikat untuk kegiatan yang menyalahi undang-undang atau mencipta, membincang, atau menghantar bahan tidak sesuai.
- Ketika penggunaan peribadi rangkaian komputer yang terhad dibenarkan, memastikan bahawa penggunaan anda tidak mengganggu perkhidmatan kepada pelanggan kita, atau mengganggu kebolehan anda untuk membuat kerja anda.
- Mengingati bahawa Syarikat mempunyai hak untuk mengawasi penggunaan komputer dan sistem anda.

Meneroka Secara Lebih Mendalam:

Pengaksesan jarak jauh



Jika anda perlu mengakses sistem Kennametal dari lokasi jarak jauh, ambil langkah berjaga-jaga untuk memastikan pengaksesan jarak jauh anda tidak mendatangkan risiko kepada sistem atau data kita:

- Hanya menggunakan alat peranti yang diluluskan oleh Syarikat untuk mengakses, menyimpan atau menghantar sebarang maklumat Syarikat.
- Tidak menyimpan maklumat Syarikat pada alat peranti peribadi.
- Melindungi maklumat sensitive dengan menggunakan alat penyulitan dan mengehadkan pengaksesan data kepada mereka yang mempunyai keperluan perniagaan.
- Tidak meninggalkan komputer riba atau alat peranti mudah alih tanpa dijaga atau secara tidak selamat.
- Melaporkan kehilangan atau pencurian komputer riba atau alat peranti Syarikat kepada pasukan sekuriti teknologi maklumat (k-corp.cybersecurity@kennametal.com).

Menang secara Berintegriti

Kita mengamalkan pengurusan rekod yang bertanggungjawab.

Kami menyelenggara rekod kita secara bertanggungjawab, dengan mematuhi undang-undang dan polisi Syarikat. Kita juga berjaga-jaga untuk memastikan semua rekod adalah jelas, tepat dan lengkap. Ketika berasa ragu, semak semula **Prosedur Pengurusan Rekod Global** Kennametal atau hubungi Pejabat Kaunsel Am untuk panduan berkaitan dengan tanggungjawab pengurusan rekod anda.



Menang secara Berintegriti Bermaksud...

- Mengguna pertimbangan yang baik sebelum anda melaksanakan sesuatu secara bertulis, terutamanya menghantar e-mel, mesej segera, atau mesej teks.
- Mengekalkan rekod untuk tempoh masa yang sesuai di bawah jadual penyimpanan rekod Kennametal.
- Mematuhi polisi Syarikat untuk memastikan kemusnahan rekod Syarikat yang sesuai.
- Mengikut arahan untuk mengekalkan rekod dan menghentikan kemusnahan rekod yang normal ketika diberi arahan untuk berbuat demikian oleh Pejabat Kaunsel Am, atau sekiranya anda mendapat tahu bahawa rekod tersebut mungkin relevan untuk kes, tuntutan atau penyiasatan yang tergantung atau terancam.
- Melabelkan maklumat sulit secara sesuai dan mengedarkannya hanya kepada mereka yang mempunyai keperluan perniagaan untuk mengetahuinya.
- Sentiasa mematuhi panduan yang disediakan pada Prosedur Pengurusan Rekod Global Kennametal.

Menang secara Berintegriti

Kita berkomunikasi secara berhati-hati.

Pelanggan, pemegang saham dan rakan kongsi perniagaan kita bergantung kepada ketepatan, kejelasan and kebenaran maklumat yang kita berkongsi. Kita bertanggungjawab untuk mencipta komunikasi yang memenuhi harapan-harapan tersebut, termasuk semasa kita menggunakan media sosial. Untuk memastikan konsistensi komunikasi luaran kita dan untuk mematuhi undang-undang dan peraturan yang terpakai, hanya individu tertentu yang dibenarkan untuk berucap secara terbuka sebagai wakil Kennametal.

Menang secara Berintegriti Bermaksud...

- Menghubungi Pejabat Kaunsel Am atau Komunikasi Korporat sekiranya anda menerima pertanyaan berkaitan Syarikat daripada orang awam atau parti luaran yang lain, termasuk wakil media.
- Tidak berkongsi maklumat sulit tentang Syarikat atau pelanggan atau rakan kongsi perniagaan kita di Internet atau ketika menggunakan media sosial.
- Ketika menggunakan media sosial atas sebab peribadi, tidak mendedahkan maklumat sulit dan jelas bahawa pendapat anda adalah milik anda sendiri dan tidak mencerminkan pendapat Kennametal.
- Tidak menggunakan media sosial untuk tujuan perniagaan kecuali anda diberik kebenaran untuk berbuat demikian.
- Mengikut panduan yang disediakan dalam Polisi Mengguna Media Sosial Kennametal.



Kita menang ketika kita membuat keputusan yang baik.

Pada suatu hari, saya sedang membaca blog industri yang saya ikuti dan saya menyedari seseorang mengatakan sesuatu yang tidak adil tentang Syarikat kita. Blogger tersebut menuduh Syarikat kita bahawa tidak menjadikan keselamatan dan kualiti sebagai keutamaan. Saya berasa susah hati membacanya-terutamanya kerana saya tidak menyetujuinya. Ia adalah susah bagi saya untuk tidak memberi respons atas talian untuk mempertahankan Syarikat kita dan memberi kepastian kepada pelanggan kita bahawa kita tidak mengambil jalan pintas, namun saya tahu bahawa saya perlu mengundur, membaca polisi kita, dan berbincang tentangnya dengan pengurus saya, yang kemudian menyampaikan keprihatinan saya kepada pihak yang sesuai dalam Syarikat. Walaupun saya ingin terus menguruskannya, saya berasa lega saya telah menguruskan perkara ini dengan cara yang betul. Saya berasa senang hati mengetahui bahawa pihak yang sesuai dalam Syarikat dapat memberi respons dengan cara yang terbaik.

Kita Mempunyai Kepercayaan dalam Produk Kita dan Meletak Pelanggan Kita di Tempat Pertama.

Di Kennametal, kita memenangi perniagaan dan mengekalkannya kerana kita menyediakan produk, nilai dan perkhidmatan dengan kualiti yang terbaik.



Menang secara Berintegriti



Kita berbangga diri atas kualiti dan keselamatan Produk kita.

Reputasi kita untuk integriti dan kepercayaan pelanggan kita bergantung kepada komitmen kita untuk mematuhi spesifikasi pelanggan dan kontraktual secara ketat. Kita memastikan produk kita sentiasa menepati spesifikasi yang diperlukan dan kita tidak membuat perubahan atau jalan pintas tanpa kelulusan dalam proses semakan semula kawalan kualiti atau keselamatan produk. Kita mematuhi semua undang-undang dan peraturan keselamatan produk dan kualiti.

Menang secara Berintegriti Bermaksud...

- Sentiasa menghantar mengikut keperluan pelanggan dan mendapatkan panduan dan kejelasan daripada pelanggan atau Pejabat Kaunsel Am sekiranya anda tidak pasti tentang bagaimana untuk mentafsirkan kontrak atau spesifikasi teknikal.
- Menghuraikan produk kita dan ciri-ciri produk secara jujur dan lengkap.
- Memastikan semua produk kita mematuhi proses semakan semula kualiti dan keselamatan sebelum dihantar kepada pelanggan.


Kami mengikuti peraturan khas apabila Kerajaan ialah pelanggan kita.

Sebagai syarikat global yang selalu menjalani perniagaan dengan kerajaan di seluruh dunia, kita tertakluk kepada pelbagai undang-undang dan peraturan, termasuk undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan penipuan, rasuah, konflik kepentingan, sisa buangan, dan layanan tidak adil. Kita melaksanakan kerja kerajaan kita secara jujur dan beretika dan mengharapkan amalan yang sama untuk semua yang bekerja untuk kita, termasuk namun tidak terbatas pada agen, pengedar dan sub-kontraktor Kennametal. Peraturan pembekalan produk dan perkhidmatan secara terus kepada kerajaan atau melalui kontraktor kerajaan adalah rumit dan sentiasa bertukar, dan pelanggaran boleh mendatangkan denda dan hukuman yang berat, serta kemungkinan penggantungan dan larangan daripada berkontrak dengan kerajaan. Banyak kerajaan yang memerlukan Syarikat kita untuk mengawal tindakan kita untuk memastikan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan mereka dan melaporkannya sekiranya pelanggaran tertentu mungkin telah berlaku.

Menang secara Berintegriti Bermaksud...

- Mengiktiraf bahawa kontrak kerajaan selalu mengandungi kewajipan khas yang tidak terdapat dalam kontrak komersil yang biasa.
- Bertindak secara benar dan jujur dan mengekalkan integriti yang paling tinggi ketika berkontrak dengan kerajaan.
- Mengelakkan konflik kepentingan yang sebenar atau berpotensi antara Kennametal dan kerajaan, dan memaklumkan kepada pengurus anda sekiranya anda menyedari tentang konflik kepentingan atau konflik kepentingan yang berpotensi.
- Mendapatkan semakan semula dan kelulusan terdahulu daripada Pejabat Kaunsel Am sebelum menandatangani sebarang kontrak dengan kerajaan.
- Memastikan amalan pemerolehan, pengadaan kontrak dan penentuan harga dan penghantaran invois dengan kerajaan adalah mematuhi peraturan dan tepat, dan sebarang kesilapan yang berpotensi harus diselesaikan dengan segera.

Kesimpulan



Membuat keputusan yang betul adalah bagaimana kita menang di Kennametal. Penggunaan Kod ini sebagai peta akan membantu anda – dalam setiap langkah sepanjang jalan. Sama ada anda tidak pasti tentang bagaimana untuk menguruskan situasi yang sukar atau hanya untuk mengetahui siapa yang harus dihubungi untuk maklumat lanjut tentang polisi Syarikat, Kod kita tersedia di sini untuk membimbing anda.

Maklumat Talian Bantuan

Talian Bantuan Kennametal Helpline melalui Telefon

Talian Bantuan tersebut dapat dicapai secara terus melalui telefon dari negara-negara berikut dengan menggunakan nombor yang tersenarai di bawah:

A.S. dan Canada	+1-877-781-7319
Brazil	0800-892-0728
China	4006012267
France	0800-91-4367
Germany	0800-186-2076
India	000-800-100-1704
Israel	180-931-7187
Italy	800-879583
Japan	00531-11-0451 0066-33-830681 0034-800-600306
Mexico	001-844-285-0327
Poland	00-800-151-0176
United Kingdom	0808-234-2939

Talian Bantuan tersebut dapat dicapai secara terus melalui telefon dari negara-negara berikut dengan mendail nombor akses antarabangsa AT&T yang tersenarai di bawah terlebih dahulu, dan kemudian nombor Talian Bantuan +1-877-781-7319 mengikut gesaan:

Argentina	Telecom 0-800-555-4288 Telefonica 0-800-222-1288	Portugal	800-800-128
Australia	Telstra 1-800-881-011 Optus 1-800-551-155	Russia	8^10-800-110-1011 Moscow dan St. Petersburg 363-2400
Austria	800-200-288	Singapore	SingTel 800-011-1111 StarHub 800-001-0001
Belgium	0-800-100-10	Slovakia	0-800-000-101
Bolivia	800-101-110 (Spanish) 800-101-111	South Africa	0-800-99-0123
Chile	Telmex 800-225-288 Telmex (Spanish) 171-00-312	Spain	900-99-0011
Czech Republic	00-800-222-55288	Switzerland	0-800-890011
Denmark	800-100-10	Taiwan	00-801-102-880
Hong Kong	Hong Kong Telephone 800-96-1111 New World Telephone 800-93-2266	Thailand	1-800-0001-33 001-999-111-11
Hungary	06-800-011-11	Turkey	0-811-288-0001
Indonesia	001-801-10	Vietnam	1-201-0288
Korea	Korea Telecom 00-729-11 ONSE 00-369-11 Dacom 00-309-11		
Malaysia	1-800-80-0011		
Netherlands	0800-022-9111		

Talian Bantuan Kennametal Dalam Talian

Boleh dicapai dari Internet:
kennametal.ethicspoint.com

Indeks

Indeks

Agen.....	5, 19, 20, 37	Harta Intelek	32	Maklumat Sensitif	33	Penyertaan	13
Ahli keluarga	21, 24, 29	Hiburan	21-23	Maklumat Sulit.....	18, 24, 31, 34, 35	Peralatan.....	15, 31, 33
Aktiviti Luar Perniagaan	24	Hospitaliti	22	Media Sosial	27, 35	Peranti Mudah Alih.....	33
Aktiviti Politik	27	Import	22, 25-26, 33	Memberi Tip	29	Perbelanjaan	23, 30
Alam sekitar, Kesihatan dan Keselamatan (EHS).....	15	Integriti	4, 6, 10-37	Membuat Keputusan secara Beretika	5	Perjanjian Ketakdedahan	32
Amalan Keselamatan	14-15, 35	Internet	7, 32, 35, 38	Menghormati.....	11-13, 15, 12, 23, 32	Permit	15, 21
Anti-Rasuah.....	19	Jadual Penyimpanan	34	Menyuarkan Keprihatinan	6-9	Pernyataan Awam	27
Anti-Sogok	19	Juru audit	30	Niat Baik	9	Persaingan	17
Antitrust	17	Kastam	21	Nilai	4, 28, 41	Persatuan Perniagaan	17, 18
Aset Kewangan	31	Kecederaan di Tempat Kerja	15	Nilai nominal	23	Persijilan	41-42
Aset Syarikat	29, 30, 31	Kecurian	30, 31, 33	Notis Berhenti	34	Pilihan Bijak	5
Bayaran Permudahan.....	20	Kelulusan, bertulis dan pra	18, 20, 21, 23, 24, 27, 31, 37	Parti Ketiga	32	Prestasi Kewangan	29
Bendera Merah	21	Kepelbagai.....	11	Parti yang Disekat	26	Prinsip Tingkah Laku Pembekal	5
Berkomunikasi dengan Media.....	35	Keselamatan Produk	37	Paten	32	Rahsia Perniagaan	32
Bersuara secara Lantang	6-9	Kesetaraan tunai	23, 25	Pecah data	33	Rakan kongsi perniagaan	4, 5, 6, 11, 13, 23, 24, 28, 29, 31, 35
Bertanya Soalan.....	3, 5, 6, 7, 8, 9, 30, 32	Ketekunan Wajar	20	Pegawai Kerajaan.....	19, 20-21	Rangkaian	33
Bida	17, 24	Keuntungan Peribadi	24, 30	Pegawai Politik.....	21	Reputasi	3, 5, 6, 16, 23, 24, 37
Boikot	26	Kitar semula	15	Pejabat Etika dan Pematuhan	7, 24, 30, 41	Sekatan	26
Buku dan Rekod yang Tepat	17, 20, 23, 30, 37	Komputer	30, 33	Pelancaran Produk	29	Siasatan	7-9, 34
Cap Dagang	32	Komunikasi Luaran.....	35	Pelanggan	3, 11, 17, 23, 24, 25, 28, 32, 33, 35, 36, 37	Sistem Maklumat	33
Ciri Terlindung	11	Konflik Kepentingan	24, 37	Pelanggaran	5, 25, 37	Stok	29
Dana Syarikat	27, 30	Kontrak	24, 37	Pelaporan Kewangan	30	Sukarela	15
Diskriminasi	11, 12	Kontrak Kerajaan	37	Pembekal	5, 23	Sulit	7, 8, 18, 24, 31, 32, 34, 35, 38
Dwi Penggunaan	26	Kualiti Produk	16, 17, 35, 37	Pemberian Amal	15	Sumbangan	11, 27
E-mel	7, 31, 33	Laporan	7, 9, 30, 38	Pembulian	12	Talian Bantuan Kennametal	7-8, 38
Eksport	25-26	Layanan Tidak Adil.....	37	Pendapatan	30	Tanggungjawab Sosial	14
Embargo	26	Lesen	21	Pendedahan	30, 32	Tanpa-nama	7, 8, 38
Gangguan	11-12	Maklumat Berdaya Saing	18	Pengedar	5, 19, 20, 37	Tindakan Balas Dendam	9
Ganjaran	21	Maklumat Dalaman	29	Pengendalian Rekod	34	Tindakan Disiplin	5, 9
Hadiah	19, 22-23	Maklumat Hak Milik	31	Penggunaan Akhir	25, 26	Tingkap Urus Niaga	29
Hak Cipta	32	Maklumat Mustahak	29	Penipuan	30, 37	Transparensi	24, 30
Hak Milik yang Besar	24	Maklumat Peribadi	13	Penyalahgunaan Bahan	15	Undang-undang Perniagaan Global	25, 26
Harta Fizikal	31	Maklumat Peribadi	13	Penyata Kewangan	30	Wang Tunai	21, 23, 25



Persijilan

Kod Tatakelakuan Kennametal Halaman Pensijilan & Perakuan

Saya mengakui bahawa saya telah menerima, membaca dan memahami Kod Tatakelakuan Kennametal (“Kod”) dan dengan bertandatangan di bawah, saya menjamin bahawa saya akan bertindak secara beretika dan konsisten dengan Kod Kennametal dan polisi-polisi dan prosedur-prosedur lain yang dirujukkan dalam Kod tersebut. Saya memahami bahawa ia adalah tanggungjawab saya untuk mengikut polisi-polisi, amalan-amalan dan panduan-panduan yang ditetapkan dalam Kod tersebut dan pematuhan saya merupakan terma dan syarat bagi penggajian berterusan saya di Kennametal.

Saya memahami bahawa Kod tersebut direka sebagai panduan untuk polisi-polisi dan amalan-amalan Kennametal dalam melaksanakan urusan perniagaan secara beretika. Saya memahami bahawa polisi-polisi syarikat menyediakan butiran tambahan dan tersedia atas permintaan saya.

Saya memahami bahawa Kennametal mungkin meminda polisi-polisi yang dihuraikan dalam Kod tersebut bila-bila masa. Saya memahami bahawa pindaan kepada polisi-polisi sedia ada akan tersedia di SharePoint, atau saya boleh meminta salinan polisi-polisi semasa daripada penyelia saya, Sumber Manusia atau Pejabat Etika dan Pematuhan.

Nama Tercetak

Nombor Pekerja

Tanda Tangan

Tarikh

Pulangkan halaman persijilan yang ditandatangani kepada Wakil Sumber Manusia anda.
Anda boleh menyimpan satu salinan untuk rekod peribadi anda.







KENNAMETAL®